

LEMBARAN FAKTA KERTAS PUTIH KESIHATAN

LATAR BELAKANG KERTAS PUTIH KESIHATAN

APA ITU KERTAS PUTIH KESIHATAN

- ◆ Kertas Putih Kesihatan adalah dokumen **dasar reformasi kesihatan negara** yang menggariskan **cabaran utama** yang dihadapi oleh sistem kesihatan serta mengemukakan **cadangan penyelesaian secara berfasa** dalam tempoh **15 tahun** merangkumi **aspek penyampaian perkhidmatan, promosi kesihatan dan pencegahan penyakit, pembiayaan kesihatan serta tadbir urus** demi memastikan sistem kesihatan yang lebih **berkualiti, mampan dan berdaya tahan**
- ◆ Kertas Putih Kesihatan telah dibentangkan di **Parlimen** pada **15 Jun 2023** dan mendapat **sokongan dwi-partisan** ahli Parlimen. Langkah seterusnya adalah membangunkan **Pelan Implementasi Reformasi Sistem Kesihatan**

POLISI

- ◆ **Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021 – 2025):** “Pelan rangka tindakan pembaharuan sistem penjagaan kesihatan Malaysia akan diperkenalkan sebagai halatuju baharu untuk mentransformasikan sistem penjagaan kesihatan negara”

MATLAMAT

1. **Berkongsi maklumat** mengapa reformasi kesihatan negara diperlukan dengan segera
2. **Mengemukakan usaha** untuk menjadikan sistem kesihatan kita lebih saksama, mampan dan berdaya tahan dalam memberi perkhidmatan yang merangkumi semua peringkat kehidupan rakyat
3. **Mencadangkan tonggak keutamaan reformasi kesihatan** seperti penyampaian perkhidmatan, pembiayaan, tadbir urus serta organisasi dalam tempoh 15 tahun

PENGLIBATAN PEMEGANG TARUH

- ◆ Kertas Putih Kesihatan yang dibangunkan telah **melibatkan pelbagai kumpulan** pihak berkepentingan, **cadangan pakar**, dan turut merujuk kepada **kajian sistem penjagaan kesihatan terdahulu**
- ◆ Sejumlah **874 kumpulan pihak berkepentingan** dan **9281 orang peserta** telah terlibat (Mac 2022 - Nov 2023) di dalam pelbagai sesi libat urus seperti **perbincangan kumpulan berfokus (FGD), town hall, dan persidangan**

JURANG & CABARAN SISTEM KESIHATAN



POPULASI MENUA

> **Kos penjagaan kesihatan** penduduk berumur **60 tahun dan ke atas** adalah **2-3 kali ganda lebih tinggi** berbanding kos penjagaan golongan yang lebih muda




FAKTOR PENENTU SOSIAL UNTUK KESIHATAN

> **80%** daripada penentu kesihatan kita dipengaruhi oleh faktor - faktor **di luar sektor kesihatan** (cth: tahap pendidikan, status pekerjaan, pendapatan, tempat tinggal, persekitaran dan gaya hidup)



PENINGKATAN KES PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

> Peningkatan kes penyakit tidak berjangkit **meningkatkan kos penjagaan pesakit** disebabkan oleh **kos rawatan yang tinggi, ubat - ubatan dan penjagaan komplikasi untuk jangka masa panjang**



EPIDEMIK TERSEMBUNYI (KESIHATAN MENTAL)

> Sebanyak **2.3%** orang **dewasa** berumur 18 tahun ke atas mengalami **kemurungan** manakala **7.9% kanak - kanak** berumur 5-15 tahun juga mengalami masalah **kesihatan mental** (Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019)



PENINGKATAN MASALAH PENYAKIT BERJANGKIT

> Kemunculan **penyakit baru** (COVID-19), **penyakit sedia ada** (Tuberculosis, HIV/AIDS) dan **kemunculan semula penyakit** berjangkit (Polio, Measles) membebankan sistem kesihatan awam, pengawalan wabak penyakit dan kapasiti rawatan di fasiliti kesihatan



KEKANGAN PEMBIAYAAN KESIHATAN

> **Pelaburan untuk kesihatan** di Malaysia adalah **rendah**
> **Perbelanjaan** untuk kesihatan semasa (CHE) **hanya 4.1% daripada KDNK**
> **Perbelanjaan daripada sektor awam** hanya **2.2% KDNK** berbanding negara berpendapatan sederhana tinggi pada **4.4% KDNK** dan **negara berpendapatan tinggi pada 6.4%**
> **Perbelanjaan wang saku** untuk kesihatan (OOP) negara adalah **tinggi pada 34.2% daripada CHE 2020**



KEKANGAN SUMBER MANUSIA DAN INFRASTRUKTUR

> **Kesesakan dan waktu menunggu yang lama** di hospital dan klinik kesihatan awam
> **Fasiliti dan peralatan kesihatan yang uzur dan daif**
> **Kekurangan pelbagai kategori kakitangan**
> **Ketidakseimbangan sumber** dalam sektor awam dan **antara sektor awam dan swasta**



IMPAK KESIHATAN PLANET (PLANETARY HEALTH)

> **Krisis dan bencana** seperti banjir, tanah runtuh, pencemaran udara dan air, kemarau yang melampau juga memberi **impak** kepada **perkhidmatan penjagaan kesihatan**
> Keadaan ini **menjejaskan kesihatan rakyat**, mengakibatkan **kecederaan** dan **kehilangan nyawa** yang seterusnya **membebankan** sistem kesihatan negara

DEMI MASA DEPAN KESIHATAN KITA

ASPIRASI KERTAS PUTIH KESIHATAN



**NEGARA
YANG
SIHAT**

**SISTEM
KESIHATAN
YANG
SAKSAMA DAN
BERPAKSIKAN
RAKYAT**

**SISTEM
KESIHATAN
YANG
BERDAYA
TAHAN**

**EKOSISTEM
KESIHATAN
YANG
TERBUKA
DAN INOVATIF**

**SISTEM
KESIHATAN
YANG
DIHARGAI DAN
DIBANGGAKAN
OLEH SEMUA**

TONGGAK DAN STRATEGI REFORMASI KESIHATAN

TONGGAK 1: MENTRANSFORMASIKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN

- Mengutamakan penyampaian penjagaan kesihatan primer
- Mengoptimumkan perkhidmatan penjagaan hospital
- Mempergiat kerjasama awam-swasta yang efektif
- Memanfaatkan kemajuan teknologi digital
- Memastikan kesaksamaan akses dalam perkhidmatan kesihatan

TONGGAK 2: MEMPERTINGKATKAN PROMOSI KESIHATAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT

- Memperkuhkan fungsi kesihatan awam
- Menambah baik kerjasama dan penyelarasan intersektor untuk kesihatan
- Memberi insentif kepada amalan dan tingkah laku pro-kesihatan

TONGGAK 3: MEMASTIKAN PEMBIAYAAN KESIHATAN YANG MAMPAN DAN SAKSAMA

- Meningkatkan pelaburan untuk kesihatan
- Memastikan rakyat menerima perkhidmatan komprehensif yang tidak terikat kepada kemampuan
- Memastikan perbelanjaan penjagaan kesihatan yang cekap dan berkesan

TONGGAK 4: MEMPERKUKUHKAN LANDASAN DAN TADBIR URUS SISTEM KESIHATAN

- Memperkuhkan peranan KKM melalui penstrukturan semula
- Menambah baik dasar, perundangan dan peraturan
- Memantapkan tenaga kerja untuk kesihatan
- Merangsang penyelidikan, inovasi dan pendekatan berasaskan bukti



Layari laman sesawang Kertas Putih Kesihatan di www.moh.gov.my/kertasputihkesihatan